

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Seri Noh Bin Haji Omar minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah status terkini Projek Langat 2 dan bilakah projek tersebut dijangka akan siap.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kemajuan keseluruhan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan (Projek LRAL2) hingga 30 Mei 2015 hanya berada di tahap 20.65% berbanding sasaran 24.91% iaitu lewat sebanyak 4.26%. Bagi kemajuan kerja-kerja fizikal pula, pencapaian setakat ini hanyalah 8.78% berbanding sasaran 13.11% iaitu lewat sebanyak 4.33%.
2. Kelewatan pelaksanaan Projek LRAL2 ini dijangka terus berlaku dan sukar untuk disiapkan pada 30 April 2017 seperti yang dijadualkan memandangkan Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan pihak-pihak berkuasa tempatan berkaitan menengguhkan kesemua permohonan kelulusan Kebenaran Merancang, Pelan Infrastruktur dan Pelan Bangunan dan permit pemasangan paip. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor juga telah menengguhkan pewartaan baki sebanyak 23 lot pengambilan tanah yang dimohon oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua

3. Projek LRAL2 ini akan melibatkan 18 pakej kerja. Pada masa ini, hanya 3 pakej kerja yang telah dianugerahkan (*award*). Walau bagaimanapun, kerja- kerja untuk 3 pakej ini tidak dapat dijalankan dengan lancar kerana masih belum mendapat kelulusan dan permit yang diperlukan daripada pihak berkuasa tempatan berkaitan. Sementara itu, penganugerahan untuk 8 pakej kerja yang telah ditender dan dijadual untuk dianugerahkan secara berperingkat pada bulan Mac dan April 2015 oleh pihak Pengurusan Aset Air Berhad terpaksa ditangguhkan sehingga semua kelulusan diperolehi daripada pihak-pihak berkuasa berkaitan. Ini adalah untuk mengelakkan kemungkinan tuntutan kos dan lanjutan masa oleh pihak kontraktor.
4. Berdasarkan perkembangan ini, perancangan Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan air bersih dari Projek LRAL 2 kepada pengguna seawal 2017 berkemungkinan besar tidak akan menjadi kenyataan. Projek LRAL2 dijangka hanya dapat disiapkan sepenuhnya pada suku akhir ketiga 2019 sekiranya Kerajaan Negeri Selangor bersetuju untuk membenarkan pihak-pihak berkuasa negeri mengeluarkan semua kelulusan dan permit pada Mei 2015.